

# KKR utama penerapan PISMA tangani isu banjir di bandar

**Singapura:** Kementerian Kerja Raya (KKR) akan menekankan penerapan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk menangani isu di kawasan bandar yang sering dilanda banjir.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri

Alexander Nanta Linggi, berkata pendekatan itu sebahagian daripada usaha kerajaan membangunkan bandar tahan bencana.

Berucap pada pembukaan pleno Sidang Kemuncak Bandar Dunia (WCS) di sini semalam, beliau

berkata, perancangan guna tanah dalam rancangan struktur negeri dan tempatan akan diselesaikan dengan PISMA ke arah memperbaiki sistem saliran di kawasan bandar untuk mengurangkan kejadian banjir besar.

“Bandar tahan bencana adalah aspek penting dalam pembangunan bandar, terutama di negara yang terdedah kepada bencana alam seperti Malaysia.

“Pelaburan dalam infrastruktur tahan bencana, sistem ama-

ran awal termasuk pembabitkan komuniti adalah kunci membina keupayaan bandar untuk bertahan dan pulih daripada bencana,” katanya.

## Laksana pelbagai inisiatif

Alexander berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan dasar untuk meningkatkan ketahanan pada peringkat tempatan, termasuk Pelan Strategik Pengurangan Risiko Bencana dibangunkan Dewan Bandaraya Kua-

la Lumpur (DBKL) merangkumi peningkatan infrastruktur kritikal untuk mengekang potensi bencana.

Di bawah bidang kuasa KKR, katanya, Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) diperkenal sebagai dasar 10 tahun yang dirumuskan untuk mencerminkan komitmen penuh kementerian dalam memudahkan pemain sektor menjadi lebih tangkas dan kompetitif dalam membangunkan infrastruktur yang mampan.

Beliau berkata, Teras Dua NCP 2030 yang menjadi antara empat strategi digariskan menekankan pembangunan infrastruktur berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan tahan bencana selaku asas mewujudkan bandar tahan bencana.

Alexander berada di Singapura untuk mengetuai delegasi Malaysia ke WCS dan Forum Infrastruktur Asia (AIF) 2024, yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam.

WCS dianjurkan secara dwitahunan adalah platform eksklusif bagi pemimpin kerajaan dan pakar industri untuk menangani cabaran bandar yang boleh didiami dan mampan, berkongsi penyelesaian bandar bersepadu dan menjalin kerjasama baharu.

BERNAMA



Alexander pada pembukaan pleno Sidang Kemuncak Bandar Dunia di Singapura, semalam.

(Foto ihsan FB Alexander Nanta Linggi)